JAMRI BEKON

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR
AHMAD NASFY YASIN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42A/C-18-2011]
9 MEI 2012

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39A(2) - Rayuan terhadap hukuman - Sama ada hukuman yang dijatuhkan setimpal - Kepentingan awam - Sama ada hukuman tidak eksesif dan menepati kehendak undang-undang - Bachik Abdul Rahman v. PP*

Perayu/tertuduh ('OKT') didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan di bawah s. 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. OKT didapati dalam jagaannya sejumlah dua paket plastik lutsinar yang mengandungi bahan disyaki dadah berbahaya jenis ganja sejumlah berat 59.23 gram. Hakim Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman enam tahun penjara dari tarikh tangkap dan 10 sebatan. OKT tidak berpuashati dan memfailkan rayuan. Dalam rayuan meringankan hukuman OKT menyatakan bahawa ini adalah kesalahan pertama beliau dan beliau mempunyai tiga orang anak yang masih bersekolah dan dijaga oleh isterinya. Manakala Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') memohon supaya hukuman yang dijatuhkan dikekalkan.

Diputuskan (menolak rayuan OKT):

(1) Hakim Mahkamah Sesyen telah mengambilkira prinsip dalam menjatuhkan hukuman seperti diputuskan di dalam kes *Bachik Abdul Rahman v. PP* di mana mahkamah perlu memberikan keadilan kepada semua pihak, keseimbangan antara OKT dan mangsa dan kepentingan awam. Hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah setimpal kerana dadah merupakan musuh negara. Justeru kepentingan awam wajar diutamakan bagi melindungi masyarakat daripada jenayah ini. Oleh itu, mahkamah ini memutuskan bahawa hukuman enam tahun penjara dari tarikh tangkap dan sepuluh sebatan adalah tidak eksesif dan menepati kehendak undang-undang. (perenggan 11 & 12)

Kes-kes yang dirujuk:
Bachik Abdul Rahman v. PP [2004] 2 CLJ 572 CA ***(dirujuk)***
Bhandulananda Jayatilake v. PP [1981] 1 LNS 139 FC ***(dirujuk)***
R v. Ball 35 Cr App R 164 ***(dirujuk)***

Perundanngan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, s. 39A(2)

Bagi pihak perayu - Hadir sendiri
Bagi pihak responden - Azeezi Nordin TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Ahmad Nasfy Yasin PK:

Rayuan

[1] Dalam perbicaraan penuh, Tuan Hakim Mahkamah Sesyen ("Tuan HMS") telah mendapati perayu/tertuduh ("OKT") bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan di bawah s. 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Seterusnya, selepas mendengar rayuan meringankan hukuman oleh OKT dan hujahan memberatkan hukuman oleh Timbalan Pendakwa Raya ("TPR"), Tuan HMS telah menjatuhkan hukuman enam tahun penjara dari tarikh tangkap dan sepuluh sebatan. OKT tidak berpuashati dan memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi.

[2] Ketika kes dipanggil untuk perbicaraan rayuan, OKT memohon menarik balik rayuan atas sabitan dan akan meneruskan rayuan atas hukuman sahaja. Setelah mendengar rayuan meringankan hukuman oleh OKT dan hujahan TPR supaya mengekalkan hukuman, mahkamah telah menolak rayuan OKT. OKT tidak berpuashati dan memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan.

[3] Pertuduhan adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 11.7.2010 jam lebih kurang 2.30 petang bertempat di A2 JBH 40/G PTD 3112 LORONG JAUHARI 3, JALAN BAKARIAH, dalam Daerah Muar, Dalam Negeri Johor, bukan sebagai seorang yang diberi kuasa atau disifatkan sebagai seorang yang telah diberi kuasa, telah didapati dalam jagaan kamu sejumlah dua (2) peket plastik lutsinar yang mengandungi bahan disyaki dadah berbahaya jenis Ganja sejumlah berat 59.23 gram

dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39A(2) Akta yang sama.

Fakta Kes

[4] Pada 11 Julai 2010 jam lebih kurang 2.30 petang satu serbuan oleh sepasukan anggota polis telah dilakukan ke atas sebuah rumah di alamat A2 JBH 40/G PTD 3112 Lorong Jauhari 3, Jalan Bakariah, Muar.

[5] Tempat kejadian merupakan sebuah rumah batu dan berpagar. Ketika serbuan dijalankan, terdapat satu lelaki India dan dua lelaki Melayu sedang berada di ruang tamu, tiga perempuan Melayu di bilik dan OKT berada di bahagian atas rumah.

[6] Pemeriksaan yang dijalankan di bahagian atas rumah di mana OKT berada telah menjumpai satu kotak F&N Seasons di dalam laci almari yang berdekatan dengan OKT berada. Keadaan kotak F&N tersebut berlubang di bahagian bawah. Pemeriksaan lanjut mendapati terdapat barang kes yang disyaki dadah di dalam kotak minuman tersebut yang dibalut dengan dua plastik lutsinar.

[7] OKT dan barang kes telah dibawa ke balai polis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat. Barang kes telah dihantar ke Jabatan Kimia pada 15 Julai 2010 jam lebih kurang 4.37 petang oleh pegawai penyiasat iaitu Insp Suhairie bin Seman. Laporan kimia mengesahkan barang kes merupakan cannabis seberat 59.23 gram.

Mitigasi

[8] Dalam rayuan meringankan hukuman OKT menyatakan bahawa beliau mempunyai tiga orang anak yang masih bersekolah dan dijaga oleh isterinya. Ini adalah kesalahan pertama. Manakala TPR memohon supaya hukuman yang dijatuhkan oleh Tuan HMS dikekalkan.

[9] Kesalahan di bawah s. 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 memperuntukkan hukuman penjara seumur hidup atau untuk suatu tempoh tidak kurang daripada lima tahun dan juga dikenakan hukuman sebat tidak kurang daripada sepuluh sebatan.

[10] Tuan HMS telah mengambilkira prinsip dalam menjatuhkan hukuman seperti diputuskan dalam kes *Bachik Abdul Rahman v. PP* [2004] 2 CLJ 572 di mana mahkamah perlu memberikan keadilan kepada semua pihak, keseimbangan antara OKT dan mangsa dan kepentingan awam.

[11] Mahkamah ini berpendapat hukuman yang dijatuhkan oleh Tuan HMS adalah setimpal kerana dadah merupakan musuh negara. Justeru kepentingan awam wajar diutamakan bagi melindungi masyarakat daripada jenayah ini. Ini adalah selaras dengan prinsip yang digariskan dalam kes *R v. Ball* 35 Cr App R 164 dan kes *Bhandulananda Jayatilake v. PP* [1981] 1 LNS 139. Oleh itu mahkamah ini memutuskan bahawa hukuman enam tahun penjara dari tarikh tangkap dan sepuluh sebatan adalah tidak eksesif dan menepati kehendak undang-undang.

[12] Berdasarkan alasan-alasan di atas, adalah diputuskan bahawa rayuan OKT ke atas hukuman ditolak.